



# Info Sukan

## Piala Naib Canselor Kekal Milik Canselori Blues

oleh: Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah

10 Mac 2008 : Sebanyak 55 pasukan yang menyertai acara berpasukan gagal menyaingi kehebatan pasukan Canselori Blues. Canselori Blues mengekalkan kejuaraannya buat kali kedua pada tahun ini. Pasukan yang mewakili Jabatan Canselori itu disertai oleh Naib Canselor UniMAP sendiri iaitu Kol. Prof. Dato' Dr Kamarudin Hussin menang dengan kutipan 2330 mata pada pertandingan Boling antara Jabatan merebut Piala Naib Canselor bertempat di Superior Bowl, Jitra pada 2 Mac 2008, baru-baru ini. Turut mengikut langkah mereka di



tempat kedua ialah Team A yang mewakili Jabatan Hal Ehwal Pelajar - Kolej Kediaman dengan kutipan 2810 mata. Tempat ketiga pula disandang oleh Bang Bil mewakili Jabatan Pembangunan dengan 2733 mata.

Bagi acara individu pula, Md Nizam Azid telah muncul johan baru bagi kategori individu lelaki dengan pungutan 781 mata menewaskan johan tahun lepas iaitu Md Rasid Ismail berbeza 10 mata. Manakala Rosiswardi Rusli pula mengutip 738 mata



meninggalkan Anas Efendi Abd Rahman sebanyak empat mata untuk berada di tempat kedua. Tempat ketiga dan keempat pula masing-masing dirangkul oleh Md Rasid Ismail dan Mohd Faizul Azizan dengan pungutan 731 mata dan 708 mata.

Bagi individu wanita pula diungguli oleh Noordiana Mohd Shahab dengan 672 mata dan diikuti oleh Azlinda Abdul Ghani dengan catatan 659 mata untuk tempat kedua. Manakala Rusnida Romli, Azziah Nawawi dan Noriah Murahman masing-masing memungut 637 mata, 634 mata dan 625 mata bagi kedudukan ketiga hingga kelima.

Johan bagi kategori berpasukan memenangi wang tunai RM 200, piala pusingan, piala dan hamper. Manakala Johan bagi perseorangan lelaki dan wanita membawa pulang wang tunai RM 50 dan piala.

Pertandingan yang merupakan acara tahunan ini mendapat penyertaan seramai 220 kakitangan dan telah dianjurkan sejak 2002 lagi.

